



PERTUKARAN DOKUMEN ... Kamarudin (dua, kiri) bertukar dokumen bersama Yap (dua, kanan) dan diperhatikan oleh KY Mustafa (tengah).

NST 15.5.2019 3

UMS dan Yun Fook Resources meterai MoU untuk bangun kebun penyelidikan durian

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Memorandum Perjanjian (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Yun Fook Resources Sdn. Bhd. telah dimeterai bagi tujuan membangunkan kebun penyelidikan durian dan buah-buahan lain di tanah UMS.

MoU itu dijangka mampu menjadi platform dalam usaha penyelidikan, kajian lapangan dan kursus yang bersesuaian dan memenuhi syarat akademik dan silibus.

Pemilik syarikat itu, Datuk Yap Yun Fook berkata usaha tersebut sekaligus mampu memberi kemudahan kepada penyarah dan pelajar dalam menjalankan kajian dan kutipan data.

"Kerja penyelidikan akan

lebih mudah dan kita memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat dalam sektor pertanian kerana ianya mampu meningkatkan taraf hidup," katanya ketika hadir semasa Majlis Menandatangani MoU itu di sini kelmarin.

Menurut beliau, syarikat itu terdahulu telah menjalinkan kerjasama dan memulakan konsep kebun penyelidikan di Fakulti Pertanian Lestari UMS di Kampus Sandakan.

"Di sana ada pelbagai jenis buah-buahan seperti durian, nangka, nanas, kelapa dan kita juga ada rumah burung walet dan pelajar-pelajar di sana melibatkan diri secara langsung dengan projek itu," katanya lagi.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk

Dr. D Kamarudin D Mudin berkata UMS sentiasa meletakkan pemuliharaan biodiversiti sebagai aspek yang diberi penekanan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan ekonomi.

"Kita juga membina pasukan penyelidik yang berperanan khusus bagi penyelidikan durian termasuk penyelidikan terhadap kesesuaian spesies liar sebagai pokok penanti, pendebungaan dan kajian agronomi buah durian," katanya.

Turut hadir semasa majlis tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa, Pengarah Institusi Biologi Tropika dan Pemuliharaan Prof. Madya. Dr. Monica Suleiman dan Dekan Fakulti Pertanian Lestari Prof. Madya Dr Saaffe Salleh.